

30/10/2000

Belanjawan beri tumpuan K-ekonomi

Kadir Dikoh

JIKA diteliti, Belanjawan 2001 agak luar biasa berbanding belanjawan yang lalu terutama berkaitan dengan langkah "merevolusikan" dunia teknologi di negara ini, seiringan dengan usaha memesatkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi.

Selain strategi meneruskan dasar rangsangan fiskal dan kewangan untuk mendokong pertumbuhan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat, belanjawan kali ini juga kelihatan lebih menjurus kepada persediaan negara dan rakyat menghadapi cabaran globalisasi dan gelombang digital dalam suasana ekonomi sejagat yang sedang mengalami perubahan drastik.

"Pada umumnya belanjawan kali ini masih meneruskan strategi belanjawan tahun lalu dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi. Tetapi penekanan tambahan diberi kepada mengalakkan K-ekonomi sebagai sumber pertumbuhan baru," kata Profesor Ekonomi di Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohamad Alias.

Dalam era k-ekonomi dan hasrat mencapai matlamat Wawasan 2020, generasi muda adalah bakal menjayakannya dan sebagai kumpulan sasaran, kerajaan mahu mereka daripada bangku sekolah lagi terdedah kepada dunia digital.

Mungkin berdasarkan hakikat ini, Belanjawan 2001 membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat sama ada yang muda atau sudah dewasa untuk memiliki komputer sebagai asas kepada dunia teknologi maklumat (IT). Daripada pelajar hingga kepada pekerja biasa sama ada kakitangan awam atau swasta, berpeluang memiliki komputer mahupun kegunaan sendiri di rumah. Tumpuannya bagi memperluaskan akses rakyat kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata untuk bersaing dan mempunyai kelebihan kompetitif yang mapan, negara perlu menguasai K-ekonomi dan ini memerlukan transformasi ke arah K-ekonomi.

Nescaya, kehidupan dalam ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan dalam dunia tanpa sempadan, memerlukan setiap rakyat memperlengkapkan diri dengan kemahiran ilmu dan menyusun semula keutamaan dalam menerapkan budaya berteknologi tinggi serta keusahawanan yang dinamik. Untuk tujuan itu, kerajaan mengalok pelaburan dalam ICT, pendidikan dan latihan semula pekerja. Pembangunan sumber manusia terus menjadi agenda utama negara.

Pengerusi Persatuan Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom), Wendy Liew berkata insentif yang diumumkan kerajaan akan menyaksikan lonjakan ke arah membuka laluan lebih luas kepada era IT, bagi memperbanyakkan lagi rakyat yang celik komputer.

Sebab itu juga, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin ketika membentangkan Belanjawan 2001 Jumaat lalu, turut mencadangkan rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran diperlukan oleh negara kembali dengan memberi pelbagai insentif. Antaranya pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan, dua kereta yang dibawa balik diberi pengecualian cukai dan isteri atau suami serta anak-anak yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), G Rajasekaran, berkata pihaknya tidak begitu yakin langkah itu akan berkesan kerana jurang perbezaan di antara upah di luar negara dan di sini, masih jauh.

"Insentif itu, tidak akan dapat menampung kerugian dari segi pendapatan yang mereka perolehi apabila kembali bekerja di negara ini. Bayangkan,

sekurang-kurangnya 200,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura saja kerana kadar upah di sana tiga kali ganda lebih tinggi berbanding di Malaysia," katanya.

Bagi memupuk budaya IT di peringkat usia remaja lagi, kerajaan sudah pasti memberi tumpuan kepada pelajar. Misalnya, program sekolah bestari yang sudah dilaksana dengan fasa pertama projek perintis ini membabitkan 90 sekolah, dijangka siap sepenuhnya tahun depan. Kerajaan juga sedang melaksanakan program makmal komputer di mana setiap sekolah akan dibekalkan dengan di antara 12 hingga 43 komputer yang dilengkapi kemudahan multimedia dan internet, dengan keutamaan sekolah luar bandar.

Sebagai langkah permulaan, kerja-kerja membina 2,200 makmal komputer sudah dimulakan di seluruh negara. Menjelang akhir tahun depan, semua sekolah yang mempunyai bekalan elektrik dan telefon dijangka akan dilengkapi dengan peralatan serta perkakasan komputer melalui program ini.

"Langkah itu untuk melahirkan lebih ramai pelajar celik komputer yang dapat mempertajamkan pemikiran mereka supaya lebih pintar, berinisiatif, kreatif serta mampu berdikari. Harapan saya, pelajar juga tidak akan mengabaikan peluang untuk mempelajari bahasa Inggeris.

"Ini adalah kerana bahasa utama dunia ICT adalah bahasa Inggeris. Kita tidak boleh lari daripada kenyataan ini dan tidak merugikan sekiranya kita dapat menguasai satu lagi bahasa selain daripada bahasa kebangsaan," kata Daim dalam Belanjawan 2001 itu.

Dalam belanjawan itu juga, Daim mengumumkan yang kerajaan membenarkan semua pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mengeluarkan caruman mereka bagi membeli komputer untuk kegunaan sendiri. Sebelum ini kebenaran hanya diberi kepada pencarum berbuat demikian bagi membeli komputer untuk keperluan pembelajaran anak-anak mereka di pusat pendidikan tinggi mahupun di peringkat persekolahan.

Di samping itu, kerajaan turut mencadangkan pemberian komputer baru oleh syarikat kepada pekerjanya yang kini dianggap sebagai manfaat berupa barangan tidak dikenakan cukai pendapatan sementara perbelanjaan syarikat itu pula dibenarkan sebagai potongan cukai.

Malah, kakitangan kerajaan dibenar membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali. Sumbangan dalam bentuk tunai dan bukan tunai kepada program membudayakan ICT dibenarkan sebagai potongan cukai.

Bagi melengkapkan usaha itu, kerajaan juga akan memberi insentif percukaian untuk menyemai dan memupuk tabiat membaca - satu amalan yang menjamin kesinambungan pemilikan ilmu pengetahuan. Untuk itu, pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM500 setiap tahun bagi setiap pembayar cukai untuk membeli buku, termasuk buku teks sekolah.

Penekanan terhadap ICT diteruskan memandangkan bahawa aplikasi berasaskan ICT adalah perlu untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Inisiatif itu sudah dimulakan dengan membangunkan prasarana di Koridor raya Multimedia (MSC). Di samping itu, Multimedia Development Corporation (MDC) diberi tanggungjawab untuk memastikan integrasi antara aplikasi-aplikasi perdana MSC dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Sehubungan itu, Daim mahukan MDC diperteguhkan lagi dengan tenaga kepakaran baru, di samping untuk memberi peluang kepada generasi muda yang lebih peka dan cenderung dalam revolusi ICT. MDC juga seharusnya berusaha lebih gigih untuk membawa syarikat ICT bertaraf dunia yang akan menjadi daya tarikan kepada syarikat ICT yang lain.

Mengulas mengenai "revolusi" ICT itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas pembentangan belanjawan berkata kerajaan akan membelanjakan lebih banyak wang bagi mengatasi jurang penguasaan pengetahuan digital di antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Kita juga akan membelanjakan banyak wang untuk sekolah bestari yang

kosnya amat mahal kerana keperluan peralatan, perisian dan latihan guru. Oleh itu, belanjawan untuk pendidikan adalah terbesar di kalangan kementerian supaya kita boleh memberi tumpuan kepada pendidikan, terutama IT," katanya.

Menurut Daim, realiti baru yang bakal dihadapi negara tidak mempunyai tempat bagi mereka yang terperangkap dengan tabiat "abad silam", taksu dengan peranan sebagai "pengkritis membuta tuli" tanpa asas yang kukuh.

"Kita akui akan bahayanya terdapat golongan yang mungkin tertinggal, tersepit dalam digital divide (jurang penguasaan pengetahuan digital). Tetapi kerajaan tidak rela melihat sesiapa pun terpinggir," katanya. Berikutan itu, Belanjawan kali ini merangka program bagi memastikan semuanya mempunyai peluang untuk merebut peluang dalam era K-ekonomi.

(END)